

PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN PENERUSI DAN SETIAUSAHA JPP NEGERI SELANGOR



YB Tan Sri Noh bin Haji Omar (Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan) telah menyempurnakan Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Pengerusi dan Setiausaha Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Negeri Selangor bagi Penggal Kedua Tahun 2017 pada 10 Januari 2017 di Hotel Sama-sama, Sepang, Selangor.

Dalam majlis ini, YB Menteri telah menyampaikan watikah pelantikan kepada 232 orang Pengerusi JPP dan 218 orang Setiausaha JPP Negeri Selangor yang telah dilantik bagi penggal kedua untuk tempoh dua (2) tahun mulai 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2018 bagi Fasa 1 dan 15 Januari 2017 hingga 31 Disember 2018 bagi Fasa 2.

Daripada jumlah tersebut, seramai 183 orang Pengerusi dan 140 orang Setiausaha JPP telah dilantik semula, manakala seramai 49 orang Pengerusi dan 78 orang Setiausaha merupakan Anggota JPP yang baharu dilantik bagi penggal kedua tahun 2017-2018.

Kementerian telah memutuskan supaya Ujian Penilaian Pra Pelantikan bagi Pengerusi dan Setiausaha JPP dibuat di semua negeri sebagai syarat pelantikan semula Anggota JPP bagi penggal kedua. Ujian ini bertujuan untuk menguji tahap kefahaman mengenai JPP meliputi garis panduan penubuhan JPP dalam kawasan PBT dan gerak kerja JPP.

Ujian Penilaian Pra Pelantikan ini telah dilaksanakan di Negeri Selangor sebanyak dua (2) kali iaitu pada 6 Disember 2016 dan 28 Disember 2016 melibatkan seramai 203 orang Pengerusi dan 167 orang Setiausaha JPP. Hasil analisis keputusan ujian mendapati kesemua Anggota JPP yang menduduki ujian penilaian tersebut telah lulus. Hal ini menunjukkan bahawa semua Anggota JPP tersebut telah mencapai ekspektasi seperti yang diharapkan oleh pihak Kementerian.

SUMBER : KPKT